



## PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

Warganegara Malaysia yang terdiri daripada ANAK NEGERI SELANGOR yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan adalah dipelawa untuk memohon bagi mengisi kekosongan jawatan kontrak seperti berikut:

### 1.0 JAWATAN

- 1.1 PERANGKAWAN GRED E48 (KONTRAK)
- 1.2 JURUTERA (AWAM) GRED J41(KONTRAK)
- 1.3 PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N27 (KONTRAK)
- 1.4 JURU FOTOGRAFI GRED B17 (KONTRAK)

### 2.0 BUTIRAN PERMOHONAN:

- (a) Permohonan boleh dibuat dengan melengkapkan Borang IPK.SEL.1 yang boleh diperolehi melalui laman sesawang **www.selangor.gov.my** atau di kaunter Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Tingkat 3, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam, Selangor.
- (b) Semua borang permohonan hendaklah dilengkapkan dan disertakan dengan salinan sah Kad Pengenalan, Sijil Lahir, Sijil-sijil Persekolahan, kelulusan akademik beserta sekeping gambar berukuran passport;
- (c) Hanya calon-calon yang **layak selepas tapisan sahaja** akan

dipanggil ke sesi temuduga;

- (d) Tarikh tutup permohonan adalah pada **26 April 2016 (Selasa) jam 4.00 petang**;
- (e) Pemohon-pemohon yang **tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya; dan
- (f) Sila kemukakan permohonan ke alamat berikut:

**SETIAUSAHA BAHAGIAN  
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
CAWANGAN PERKHIDMATAN  
TINGKAT 3, BANGUNAN SSAAS  
40503 SHAH ALAM**

## JAWATAN PERANGKAWAN GRED E48

**KLASIFIKASI** : EKONOMI (E)  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL  
**TARAF JAWATAN** : KONTRAK  
**BILANGAN KEKOSONGAN** : 1

### JADUAL GAJI

| Gaji Minimum | Gaji Maksimum | Kadar Kenaikan Gaji Tahunan |
|--------------|---------------|-----------------------------|
| RM 4,919.00  | RM 10,557.00  | RM 270.00                   |

### SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) (i) Pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
- (ii) Ibu atau bapa pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
- (iii) Pemohon tidak lahir di Negeri Selangor tetapi telah menetap di Negeri Selangor melebihi 15 tahun; dan
- (iv) Pembuktian bagi mana-mana syarat di para (i), (ii) atau (iii) hendaklah dikemukakan melalui dokumen-dokumen yang sah di sisi undang-undang dan beban pembuktian terletak sepenuhnya kepada tanggungjawab pemohon sendiri.
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- (c) (i) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang ekonomi atau statistik atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan dari insituti-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (ii) *Associateship Institute of Statisticians, London* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
- (iii) Ijazah sarjana dalam bidang ekonomi atau statistik atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

- (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman yang relevan.
  
- (d) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## JAWATAN JURUTERA (AWAM) GRED J41

**KLASIFIKASI** : KEJURUTERAAN (J)  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL  
**TARAF JAWATAN** : KONTRAK  
**BILANGAN KEKOSONGAN** : 1

### JADUAL GAJI

| Gaji Minimum | Gaji Maksimum | Kadar Kenaikan Gaji Tahunan |
|--------------|---------------|-----------------------------|
| RM 2,360.00  | RM 8,743.00   | RM 225.00                   |

### SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (c) (i) Pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
  - (ii) Ibu atau bapa pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
  - (iii) Pemohon tidak lahir di Negeri Selangor tetapi telah menetap di Negeri Selangor melebihi 15 tahun; dan
  - (iv) Pembuktian bagi mana-mana syarat di para (i), (ii) atau (iii) hendaklah dikemukakan melalui dokumen-dokumen yang sah di sisi undang-undang dan beban pembuktian terletak sepenuhnya kepada tanggungjawab pemohon sendiri.
- (d) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Awam) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada RM2,360.00)
- (d) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## JAWATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N27

**KLASIFIKASI** : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN (N)

**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PELAKSANA

**TARAF JAWATAN** : KONTRAK

**BILANGAN KEKOSONGAN** : 2

### JADUAL GAJI

| Gaji Minimum | Gaji Maksimum | Kadar Kenaikan Gaji Tahunan |
|--------------|---------------|-----------------------------|
| RM 1,362.00  | RM 5,092.00   | RM 145.00                   |

### SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a)
  - (i) Pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
  - (ii) Ibu atau bapa pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
  - (iii) Pemohon tidak lahir di Negeri Selangor tetapi telah menetap di Negeri Selangor melebihi 15 tahun; dan
  - (iv) Pembuktian bagi mana-mana syarat di para (i), (ii) atau (iii) hendaklah dikemukakan melalui dokumen-dokumen yang sah di sisi undang-undang dan beban pembuktian terletak sepenuhnya kepada tanggungjawab pemohon sendiri.
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- (c)
  - (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau  
(Gaji Permulaan ialah pada RM1,362.00)
  - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan ; atau  
(Gaji Permulaan ialah pada RM1,362.00)
  - (iii) Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau  
(Gaji Permulaan ialah pada RM1,661.95)

- (iv) Diploma dalam bidang pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan  
(*Gaji Permulaan ialah pada RM1,737.15*)
- (d) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## JAWATAN JURU FOTOGRAFI GRED B17

- KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN BAKAT DAN SENI (B)
- KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
- TARAF JAWATAN** : KONTRAK
- BILANGAN KEKOSONGAN** : 1

### JADUAL GAJI

| Gaji Minimum | Gaji Maksimum | Kadar Kenaikan Gaji Tahunan |
|--------------|---------------|-----------------------------|
| RM 936.00    | RM 3,404.00   | RM 95.00                    |

### SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) (i) Pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
  - (ii) Ibu atau bapa pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
  - (iii) Pemohon tidak lahir di Negeri Selangor tetapi telah menetap di Negeri Selangor melebihi 15 tahun; dan
  - (iv) Pembuktian bagi mana-mana syarat di para (i), (ii) atau (iii) hendaklah dikemukakan melalui dokumen-dokumen yang sah di sisi undang-undang dan beban pembuktian terletak sepenuhnya kepada tanggungjawab pemohon sendiri.
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- (c) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang fotografi dan/atau kamera filem serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan; atau  
*(Gaji Permulaan ialah pada RM936.00)*
  - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau  
*(Gaji Permulaan ialah pada RM936.00)*
  - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang fotografi (Photographer) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau  
*(Gaji Permulaan ialah pada RM1,051.80)*



- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang fotografi (Senior Photographer) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
*(Gaji Permulaan ialah pada RM1,109.92)*
  
- (d) Calon yang memiliki kelayakan di perenggan (c)(ii), (c)(iii) atau (c)(iv) hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.